

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 April 2017

SOALAN

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencari anak-anak yang mempunyai ibu atau bapanya Orang Kurang Upaya (OKU) mental dan sakit kronik bagi mendapatkan kerja untuk menampung keluarga dan menyambung pelajaran.

JAWAPAN

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha membantu kumpulan sasaran yang memerlukan termasuklah anak-anak yang mempunyai ibu atau bapanya Orang Kurang Upaya (OKU) mental dan sakit kronik bagi mendapatkan kerja untuk menampung keluarga dan menyambung pelajaran. KPWKM melalui JKM bukan sahaja memberi bantuan dari aspek bantuan kewangan, malah turut memberi fokus kepada program-program bagi meningkatkan ekonomi penerima bantuan dan ahli isi rumah mereka agar mampu keluar dari kepompong kemiskinan. Anak-anak yang mempunyai ibu atau bapanya Orang Kurang Upaya (OKU) mental dan sakit kronik boleh melibatkan diri secara aktif dalam bidang keusahawanan berskala kecil dengan pemberian Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar RM2700 sekaligus. Mereka juga boleh dirujuk kepada agensi teknikal dan yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan yang diceburi. Mereka juga tidak hanya bergantung dengan modal BGP oleh JKM semata-mata, malah dirujuk juga kepada institusi yang memberi pembiayaan mikro kredit bagi mengembangkan bidang keusahawanan yang dijalankan. Melalui kerjasama JKM dan Jobsmalaysia, kumpulan sasaran juga dilibatkan dalam bidang pekerjaan mengikut kesesuaian dan kecenderungan minat kerjaya mereka. Mereka juga dibantu untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan soft skill yang bersesuaian bagi pengembangan modal insan. Penerima bantuan dan juga ahli isi rumah juga dibantu agar terlibat dalam program-program pembangunan kapasiti di kalangan wanita melalui Program I-KIT dan I-KeuNita di bawah kelolaan Jabatan pembangunan Wanita. Kedua-dua program tersebut menggunakan konsep inkubator atau hand holding (latih dan bimbing) di mana kumpulan sasaran yang terlibat akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Program I-KIT dan I-KeuNita adalah merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak.

